

2,500 meriahkan Hari Warga Tua

Kuantan: Suasana Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASIC), meriah dengan kehadiran lebih 2,500 warga tua dari seluruh negara, termasuk sebahagiannya bertongkat dan berkerusi roda.

Semangat perpaduan dan tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira kaum apabila saling bantu membantu ketika memasuki dewan sementara menunggu perasmian Sambutan Hari Warga Tua peringkat Kebangsaan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Pelbagai aktiviti dan pameran kraf tangan sempena sambutan yang bertemakan 'ilmu dijunjung warga tua disanjung' seperti demonstrasi menghias tudung saji, menghias balang kaca, jahitan manik tudung dan jualan produk dihasilkan mereka.

Sebanyak 10 gerai pameran dibuka untuk peserta mempamerkan kraf tangan dan produk me-

reka antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Rumah Seri Kenangan Cheras dan Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Sambutan itu diadakan di Pahang antara program sempena Sambutan Hari Keputeraan Ke-83 Sultan Pahang esok.

Terus menimba ilmu

Pada majlis sama, Sultan Ahmad Shah turut berkenan menyampaikan sijil penghargaan kepada enam warga tua cemerlang dalam bidang akademik, kesenian dan kebudayaan.

Baginda dalam ucapannya bertitah semua warga tua di negara ini meneruskan usaha menimba ilmu dan memperkasakan potensi mereka sejajar dengan strategi kedua Pelan Tindakan Warga Tua Negara yang diluluskan kerajaan pada 2011.

"Saya meminta mereka me-

nimba ilmu dan perkasakan potensi mereka bertepatan konsep pembelajaran sepanjang hayat. Pada masa sama generasi muda juga perlu menghargai dan memberi sepenuh kasih sayang kepada golongan ini," katanya merasmikan Sambutan Hari Warga Tua Kebangsaan 2013, semalam.

Turut menghadiri majlis, Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom; Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Tengku Puan Pahang, Tengku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim.

Beri peluang lanjut pelajaran

Sementara itu, Rohani ketika berucap pula berkata, kementerian amat menghargai jasa baik pelbagai pihak yang meneroka dan memberi peluang kepada golongan warga tua untuk melanjutkan pelajaran.

Sebagai contoh, katanya, Universiti Terbuka Malaysia (OUM) menggalakkan warga tua melanjutkan pelajaran dengan memberi insentif dalam bentuk diskaun sebanyak 75 peratus daripada yuran pengajian.



Sultan Ahmad Shah memberi cenderahati kepada Helen yang mempunyai tarikh lahir sama dengan baginda pada majlis Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2013 di Hotel Zenith, semalam.

[FOTO MUSTAFFA KAMAL/BH]